

PENANTIAN 11 TAHUN JAKEL TERNOKTAH



MUKA 2 & 3

Anwar (dua dari kiri) diberi penerangan oleh Mohamed Faroz (tengah) tentang Masjid Madani. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof (kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

- Selepas 11 tahun menunggu dan berjuang, penantian panjang Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel dan keluarganya untuk menunaikan niat wakaf bapa bagi membina sebuah masjid di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur akhirnya menampakkan sinar.
- Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam majlis pecah tanah menjadi simbolik berakhirnya kemelut dengan pihak Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman yang sejak seminggu lalu dibimbangi boleh merebak menjadi isu perkauman.
- Anwar menjelaskan penyelesaian secara aman, beradab dan berakhlak itu bukan sahaja kepada umat Islam, tetapi juga masyarakat pelbagai kaum serta agama.
- Mohamed Faroz turut mendedahkan dalam penantian 11 tahun ini, beliau pernah mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap pengurusan kuil namun hasrat itu tidak diteruskan atas nasihat Dr Zaliha.

Jakel akui pernah hampir ambil tindakan mahkamah

KUALA LUMPUR - Syarikat tekstil, Jakel Trading Sdn Bhd (Jakel) memaklumkan hampir mengambil tindakan undang-undang terhadap pengurusan sebuah kuil di sini, namun dinasihati oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa untuk tidak berbuat demikian.

Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel berkata, Dr Zaliha telah menasihati beliau berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sebelum kejayaan hari ini tercapai, saya dan adik saya Nizam (Datuk Mohamed Nizam) telah membawa pelan kelulusan

pembangunan masjid yang tangguh untuk dibentang kepada Dr Zaliha dan beliau menyambut baik hasrat ini.

"Beliau memberi sokongan tapi kami ada pandangan lain, kami telah menunggu selama 11 tahun dan ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap jiran kami ini (kuil).

"Tetapi ia dihalang oleh Dr Zaliha mengatakan ini akan menjadi satu isu besar melibatkan sensitiviti kaum dan menyarankan agar saya dan Nizam jumpa terus dengan Anwar," katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan Masjid Madani di Jalan Munshi Abdullah di sini pada Khamis.

Faroz berkata, usaha pembinaan masjid di tapak berkeluasan 12,142 kaki persegi itu

sudah bermula pada 2009 di mana perbincangan antara Jakel dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berlangsung.

Katanya, surat tawaran rasmi dikeluarkan pada 6 Ogos 2012 diikuti bayaran deposit 10 peratus sebelum perjanjian jual beli dengan DBKL ditandatangani dan bayaran baki diselesaikan pada 2014.

"Pada Julai 2019, Jakel menghantar surat permohonan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) untuk membina masjid. Pada 26 Julai 2019, pihak syarikat menerima sokongan pembinaan daripada Jawi dan meluluskannya.

"Tahun sama permohonan 'development order' (DO) dikemukakan ke DBKL dan di-



Mohamed Faroz ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan Masjid Madani di Jalan Munshi Abdullah pada Khamis.

luluskan pada 12 Februari 2020. Pada 17 Jun 2021 kelulusan pelan bangunan diperoleh dari-

pada DBKL. Kelulusan ini turut diperbaharui beberapa kali sehingga hari ini," katanya.